

19 MAY 2003

MAHATHIR-PERUBAHAN/I

PAKEJ AKAN FOCUS PADA PERUBAHAN STRATEGI

PUTRAJAYA, 19 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pakej ekonomi yang akan diumumkan pada minggu ini akan memfokus pada perubahan strategi untuk mewujudkan kekayaan melalui sumber baru daripada penggantungan ekonomi pada insentif yang ditawarkan kerajaan.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata, pertumbuhan ekonomi negara ini tidak bergantung keseluruhannya dengan kerajaan (dan) ianya adalah satu pandangan yang tipis terhadap sesuatu perkara.

"Anda perlu belajar merubah strategi anda untuk memfokus mencari satu bidang pertumbuhan baru. (Ianya) tidak sahaja menyatakan apa yang anda ingin lakukan (dan dengan itu), anda perlu mempunyai insentif daripada kerajaan," katanya apabila ditanya berkenaan jangkaan potongan yang lebih tinggi di dalam pakej ekonomi itu di sidang akhbar selepas mempengerusikan dialog pra-bajet 2004 di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, kerajaan memerlukan wang, "dengan itu ia tidak dapat sewenang-wenangnya mengeluarkan wang untuk diberikan kepada sektor swasta dan ini bukannya cara untuk meningkatkan kekayaan.

"Dengan itu, akan terdapat lebih banyak perubahan strategi (dalam pakej itu)," kata Perdana Menteri.

Mengenai unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun ini yang akan dikaji semula lebih rendah daripada 4.5 peratus yang dibuat lebih awal daripada 4.2 peratus yang dicatatkan pada tahun lepas, beliau berkata;

"Kita telah mencuba bersungguh-sungguh untuk mencapai kadar pertumbuhan yang membanggakan itu jika diambilkira masalah yang dihadapi."

Mengenai bila pakej itu akan diumumkan, beliau berkata, "Kami akan mengumumkannya dalam satu atau dua hari ini."

Mengenai sama ada kadar faedah akan diturunkan, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu, kami sedang menimbang pandangan anda, kami akan mengkaji pelbagai cadangan berkenaan."

Berhubungan dengan dialog hari ini yang memfokus kepada isu makro, katanya, ia sangat berfaedah kerana ada banyak cadangan selain meminta kerajaan menurunkan cukai dan menawarkan insentif.

Katanya, terdapat juga cadangan untuk menaikkan cukai kerajaan serta menaikkan insentif untuk menjana pelaburan dan memperbaiki lagi pengurusan ekonomi. -- BERNAMA

MKO/MAM MR AHM